CHAP CHIN PENG & SATU LAGI

lwn.

SIVALINGAM A/L PERIASAMY

MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H.
[RAYUAN SIVIL NO. 12-6-1991]
2 MAC 1993

TORT: Kemalangan jalanraya - Rayuan terhadap kuantum - Sama ada plaintif telah mengalami kecederaan otak - Sama ada kerugian terhadap kehilangan harapan kenaikan pangkat telah dibuktikan - Sama ada awad untuk kehilangan mata pencarian masa depan patut dibenarkan.

Defendan membuat rayuan terhadap kuantum yang di awadkan kepada plaintif melalui penghakiman Mahkamah Sesyen pada 15 Mac 1991. Peguam plaintif telah menghujahkan bahawa plaintif telah mengalami kecederaan otak. Lapuran Perubatan telah mengatakan bahawa plaintif hanya mengalami "deterioration especially in information processing skills" dan tiada terdapat sebarang tanda-tanda yang siplaintif mengalami "pshychological changes" seperti yang diutarakan oleh pihak plaintif.

Diputuskan:

[1] Adalah nyata dalam keterangan bahawa siplaintif boleh dan dapat menceritakan dengan jelas bagaimana kemalangan itu berlaku. Siplaintif boleh dan dapat mengingati tempat-tempat kejadian dan jarak motosikal beliau ketika berada di jalanraya semasa kemalangan tersebut dan masih boleh dan dapat mengingati harga kasut dan pakaian yang dipakainya lebih kurang 10 tahun yang lepas. Kebolehan siplaintif dan daya ingatannya dapat memberikan keterangan terperinci menindakkan hujah Peguam siplaintif bahawa siplaintif telah hilang daya ingatan beliau sehingga apa yang siplaintif baca pada hari ini beliau akan lupa mengenainya pada keesokan harinya.

[2] Oleh yang demikian gantirugi am yang patut bagi kesakitan dan penderitaan untuk kecederaan otak dan lain-lain kecederaan diturunkan daripada RM55,000 kepada RM29,000.

[3] Kehilangan mata pencarian disebabkan kehilangan harapan naik pangkat yang diberikan oleh Mahkamah Sesyen sebanyak RM20,000 diketepikan oleh kerana ia terlalu jauh (too remote) dan tekaan (speculation) semata-mata.

[4] Siplaintif masih lagi berkhidmat sebagai seorang tentera selepas kemalangan dan masih lagi menerima gaji seperti sediakala. Adalah jelas bahawa siplaintif boleh terus bekerja sehingga mencapai umur persaraan dan kemudian akan diberi pencen bulanan apabila bersara. Oleh yang demikian kehilangan mata pencarian masa depan yang di awadkan diketepikan oleh kerana siplaintif masih lagi bekerja dengan gaji maksima yang sama seperti sebelum kemalangan dan kemungkinan beliau akan diberhentikan sebelum persaraan adalah jauh (remote) sekali.

[Rayuan dibenarkan dengan kos].

Kes-Kes yang dirujuk:

Mariayee & Anor. lwn. Mohamed Nasir & Anor. [1985] 1 CLJ 416 / [1985] 1 MLJ 427 ***(dirujuk)***

Nordin bin Haji Abdul Wahab lwn. Mohamed Salleh bin Hassan [1986] 2 MLJ 294 ***(dirujuk)***

Bagi pihak perayu - T/n. Othman Hashim & Co.
Bagi pihak penentang - T/n. V.P. Nathan & Partners

ALASAN PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Dalam kes ini pihak perayu/defendan merayu hanya terhadap kuantum. Penghakiman kuantum itu telah diberikan oleh Mahkamah Sesyen Seremban pada 15 Mac 1991.

Pihak responden/plaintif telah menghujahkan bahawa siplaintif telah mengalami kecederaan otak. Pihak responden/plaintif telah memetik pernyataan yang diberikan oleh siplaintif sendiri (lihat muka surat 68 Rekod Rayuan perenggan 2 yang bermula dengan, "he give a reasonable history as follows.") dan adalah jelas bahawa pernyataan tersebut bukannya pendapat seorang doktor perubatan akan tetapi adalah gambaran yang diberikan oleh siplaintif sendiri.

Seperkara lagi sungguhpun pihak responden/plaintif telah menghujahkan bahawa siplaintif mengalami kecederaan pada jarinya (lihat laporan Dr. N. Arumugasamy perenggan 4 muka surat 87 Rekod Rayuan) akan tetapi dalam laporan yang sama dan juga perenggan yang sama Dr. Arumugasamy mencadangkan supaya siplaintif dirujuk kepada pakar "orthopaedic" untuk menentukan sejauhmana kecacatan jari

yang dialami oleh plaintif oleh kerana beliau adalah seorang pakar "neuro" sahaja dan bukannya seorang pakar "orthopaedic".

Dapat diperhatikan juga daripada laporan pegawai ilmu jiwa Hospital Besar Kuala Lumpur Dr. Kana Kanagasingam (lihat muka surat 120 Rekod Rayuan) bahawa siplaintif hanya mengalami "deterioration especially in information processing skills" dan tiada terdapat sebarang tanda-tanda yang siplaintif mengalami "pshychological changes" seperti yang diutarakan oleh pihak responden/plaintif. Dr. Kana berkata, "He is not retarded but would be slow in his responses". Malahan laporan pakar perubatan psikologi tentera Lt. Kol. (Dr.) N. Rajagopal tiada langsung membuat sebarang kesimpulan bahawa siplaintif sebenarnya mengalami "psychological changes" atau "neurological changes" atau "personality changes". Lt. Kol. (Dr.) N. Rajagopal melaporkan:

> Since he did not exhibit any psychotic, depressive or neurotic features, he was sent to clinical Psychologist at General Hospital, Kuala Lumpur for psychological testing. The clinical Psychologist Dr. Kana Kanagasingam saw patient and his wife on 9 June 1989 and the following is the impression by her:
>
> > I interview and test findings are indicative of some cognitive deterioration especially in information processing skills. Patient would be able to cope but his responses are slow. Under pressure, he does not appear to cope well cognitively. Appears to be functioning at the Borderline - Dull Normal range intellectually.
>
> Thus in the opinion of the Clinical Psychologist this soldier has a Borderline - Dull range as far as his mental capacity goes. He can otherwise be classified as Mild Mental Retardation. The possible cause of his present status is due to the Motor Vehicle accident resulting in a head injury. He is to be medically downgraded to P3 U3 M3 PES LE for one year and to be reviewed. He is to have only least demanding and sedentary jobs. The use of firearms is to be exempted. He is to be excused from operational duties, guard and night duties.

Adalah nyata dalam keterangan di hadapan saya bahawa siplaintif boleh dan dapat menceritakan dengan jelas bagaimana kemalangan itu berlaku dan masih boleh dan dapat mengingati tahun-tahun beliau mengambil kursus dan jenis-jenis kursus yang diikuti sambil dapat menjelaskan jenis matapelajaran yang ia gagal. (Lihat muka surat 3 dan 4 Rekod Rayuan). Bukan itu sahaja siplaintif boleh dan dapat mengingati tempat-tempat kejadian dan jarak motosikal beliau ketika berada di jalanraya semasa kemalangan tersebut dan masih boleh dan dapat mengingati harga kasut dan pakaian yang dipakainya lebih kurang 10 tahun yang lepas. (Lihat muka surat 5 dan 7 Rekod Rayuan). Kebolehan siplaintif dan daya ingatan siplaintif dapat memberikan keterangan secara terperinci seperti yang disebut di atas menidakkan hujah pihak responden/plaintif bahawa siplaintif telah hilang daya ingatan beliau sehingga apa yang siplaintif baca pada hari ini beliau akan lupa mengenainya pada keesokan harinya.

Dalam laporan Consultant Surgeon Mr. T.A. Peraman (muka surat 75 Rekod Rayuan) ada dinyatakan bahawa satu pemeriksaan X-ray telah dilakukan ke atas jari siplaintif pada 20 Mei 1988 yang menunjukkan keretakan tulang jari plaintif, akan tetapi laporan-laporan Dr. N. Arumugasamy bertarikh 11 Ogos 1980 dan 14 September 1983 (lihat masing-masing pada muka surat 87 dan 96 Rekod Rayuan) tiada maklumat mengenai keretakan tulang jari tersebut. Oleh kerana laporan mengenai keretakan tulang hari itu hanya timbul pada tahun 1988 sedangkan perkara itu tidak timbul pada tahun 1980 dan 1983 berkemungkinan besar bahawa keretakan tulang jari itu bukanlah disebabkan oleh kemalangan tersebut.

Di atas alasan di atas saya memutuskan bahawa gantirugi am yang patut bagi kesakitan dan penderitaan untuk kecederaan otak dan lain-lain kecederaan diturunkan daripada RM55,000 kepada RM29,000 seperti yang dicadangkan oleh pihak perayu/defendan dalam penghujahannya.

Mengenai kerugian siplaintif terhadap kehilangan harapan kenaikan pangkat pula, saya berpendapat setelah meneliti dan menimbangkan kedua-dua penghujahan oleh kedua-dua pihak bahawa harapan siplaintif untuk naik pangkat adalah suatu tekaan sahaja. Seah HMP dalam kes *Mariayee & Anor. lwn. Mohamed Nasir & Anor.* [1985] 1 MLJ 427, pada muka surat 428 berkata:

> In our judgment, to hold that the deceased could have been promoted to the rank of Sergeant in the future would be too remote and speculative, having regard to the physical

disability suffered by him. There might be delays in the promotion process and the possibility that the deceased might never be promoted to Sergeant could not be ruled out.

Dalam kes ini siplaintif telah masuk tentera pada tahun 1972. Di antara tahun 1972 sehingga tahun 1979 sipalintif telah menghadiri beberapa kursus kelas kedua dan berjaya dengan mendapat pangkat C sahaja. Sungguhpun siplaintif telah berkhidmat selama kira-kira 8 tahun tiada sebarang sokongan (recommendation) naik pangkat telah diberikan oleh pegawai atasannya, sungguhpun sudah ada rakan-rakan seangkatannya telahpun dinaikkan pangkat (lihat muka surat 18 Rekod Rayuan).

Sayugia diingat bahawa bagi seseorang prebet hendak naik pangkat ke Sarjan, beliau hendaklah dinaikkan ke pangkat lans koperal dahulu dan kemudian ke pangkat koperal. Proses ini pun bergantung kepada perkara-perkara berikut:

1. kekosongan
2. sokongan (recommendation)
3. keputusan peperiksaan
4. kesihatan

Selain daripada 4 perkara di atas, perkara yang amat penting sekali dalam kenaikkan pangkat dalam kes ini adalah persaingan di antara ahli-ahli tentera yang telah lulus kursus dan mendapat C (dan di sini terdapat 40 orang menyertai kursus - lihat muka surat 11 Rekod Rayuan) dan di sini untuk naik pangkat ke Lans Koperal daripada Sapper (prebet) maka seseorang hendaklah di antara lain mempunyai kursus ketukangan kelas satu (lihat muka surat 11 Rekod Rayuan) sedangkan siplaintif hanya lulus pada masa sebelum kemalangan kursus kelas kedua sahaja dan kemudian itu iaitu pada tahun 1980 beliau hanya dicalonkan untuk dihantar menghadiri kursus kelas satu. (Lihat muka surat 16 dan 112 Rekod Rayuan). Adalah jelas di sini bahawa semasa siplaintif dicalonkan untuk dihantar menghadiri kursus kelas satu untuk membolehkannya naik ke pangkat Lans Koperal sekiranya beliau mengikuti dan lulus kursus kelas satu tersebut, dua orang rakannya yang lain telahpun dinaikkan pangkat sarjan. (Lihat muka surat 18 Rekod Rayuan).

Oleh hal yang demikian, adalah nyata bahawa dalam keadaan yang tidak menentu seperti di atas banyak perkara yang tidak dapat diduga dalam proses kenaikkan pangkat seperti kata Hashim Yeop Sani HMA (pada masa itu) dalam kes *Nordin bin Haji Abdul Wahab lwn. Mohamed Salleh bin Hassan* [1986] 2 MLJ 294 muka surat 296:

> There is always an element of uncertainty in matters of promotion because there are so many imponderables. The result of the written examination the performance of the candidate in the interview, the confidential reports on the officer, the number of candidates competing for the same promotion, the number of vacancies to be filled are all factors creating uncertainaties.

Begitu juga di sini siplaintif tidak boleh mengatakan dengan pasti dalam suasana yang ada, bahawa beliau akan dinaikkan ke pangkat Sarjan biar bagaimana tinggi sekalipun pandangan pegawai atasannya terhadapnya.

Oleh hal yang demikian, saya memutuskan bahawa kehilangan mata pencarian disebabkan kehilangan harapan naik pangkat yang diberikan oleh Mahkamah Sesyen sebanyak RM20,000 dengan ini diketepikan oleh kerana terlalu jauh (too remote) dan tekaan (speculation) semata-mata.

Mengenai kehilangan mata pencarian masa hadapan pula persoalannya di sini adakah siplaintif akan kehilangan pekerjaan dalam pasukan tentera sebelum tempoh kerjanya tamat? Dan lagi yang lebih penting adakah siplaintif menghadapi risiko yang betul-betul benar bahawa beliau akan kehilangan pekerjaan?

Dapat diperhatikan di sini bahawa siplaintif masih lagi berkhidmat sebagai seorang tentera selepas kemalangan dan masih lagi menerima gaji seperti sediakala sebanyak RM595 sebulan. (Lihat muka surat 5 Rekod Rayuan). Adalah jelas di sini bahawa siplaintif boleh terus bekerja sehingga mencapai umur persaraan 42 tahun (iaitu plaintif sudah berkhidmat dengan tentera selama 21 tahun) dan kemudian akan diberi pencen bulanan pula apabila bersara. Kerananya saya memutuskan bahawa kehilangan mata pencarian masa depan yang diberikan oleh Mahkamah Sesyen sebanyak RM15,300 dengan ini diketepikan oleh kerana siplaintif masih lagi bekerja dengan gaji maksima yang sama seperti sebelum kemalangan dan kemungkinan beliau akan diberhentikan sebelum persaraan adalah jauh (remote) sekali.

Akhir sekali saya memutuskan untuk mengekalkan gantirugi khas yang diberikan oleh Mahkamah Sesyen berjumlah sebanyak RM75.

Saya dengan ini membenarkan rayuan ini dengan kos.

EPCO MARINE SDN. BHD.

lwn.

YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG & SATU LAGI DAN L. HONG ENTERPRISES SDN. BHD. & SATU LAGI (PENCELAH)

MAHKAMAH TINGGI, PULAU PINANG
DATO' ABDUL HAMID B.
HJ. MOHAMED H.
[USUL PEMULA NO. 25-19-92]
16 APRIL 1993

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: Permohonan certiorari dan mandamus - Bagi membatalkan keputusan merancang - Mengarahkan pelaksanaan ss. 21 dan 22 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 - Bantahan terhadap kelewatan permohonan dibawah A. 53 k. 1A KMT 1980 - Samada Mahkamah puas hati diatas penjelasan diberi - Samada pendedahan yang penuh dan adil dibuat semasa permohonan ex parte untuk kebenaran - Samada kelewatan menyebabkan kesusahan atau prejudis atau menghalang kepada pentadbiran yang baik - Pentafsiran s. 21(6) APBD 1976 - Akibat kegagalan mengambil tindakan awal oleh pemohon - Samada Notis perlu diberi kepada pemohon sebelum kebenaran merancang diluluskan - Seksyen 2, 10(6) & (7), 21(3) & (6), 25 APBD 1976 - Aturan 53 kaedah 1A KMT 1980.

Responden-responden telah meluluskan satu kebenaran merancang kepada pencelah-pencelah untuk membina sebuah bangunan bertingkat tinggi. Pemohon memohon kepada Mahkamah untuk perintah certiorari tehadap kebenaran merancang tersebut dan bagi mengarahkan responden-responden melaksanakan bidangkuasa menurut ss. 21 & 22 APBD 1976. Responden-responden membantah dengan menyatakan bahawa terdapat kelewatan menurut A. 53 k. 1A KMT 1980 didalam pemohonan pemohon dan menghujahkan kelewatan ini menyebabkan kesusahan atau prejudis atau kelemahan didalam pentadbiran yang baik kepada responden-responden dan pencelah. Pemohon telah menyatakan bahawa menurut s. 21(6) APBD 1976 mereka perlu diberi notis sebelum permohonan perancangan diluluskan kerana tanah pemohon bersempadanan. Responden-responden juga mempertikaikan kesahihan responden pertama dibuat sebagai pihak